

16/02/2003

Kementerian tarik balik guru dipinjamkan kepada SAR

Veena Rusli

TUMPAT: Kementerian Pendidikan sedang dalam proses menarik balik semua gurunya yang dipinjamkan ke sekolah agama rakyat (SAR) di seluruh negara bagi diserapkan ke sekolah aliran kebangsaan.

Timbalan Menterinya, Datuk Abdul Aziz Shamsudin, berkata sebahagian daripada guru berkenaan sudah mula dipanggil untuk kembali berkhidmat di sekolah kerajaan.

Katanya, bilangan guru paling ramai yang dipinjamkan kepada SAR ialah di Kelantan iaitu membabitkan 135 guru manakala jumlahnya agak kecil di negeri lain.

"Semua guru itu akan kita ambil balik dan bawa mereka (mengajar) di sekolah arus perdana... di Kelantan ada 135 orang tetapi di negeri lain taklah ramai sangat," katanya selepas merasmikan persidangan Umno cawangan

Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelaboran di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Tumpat (1), dekat sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, guru SAR yang

memohon untuk diserapkan ke sekolah aliran kebangsaan akan dilatih semula

bagi memastikan mereka memahami konsep Islam sebenar, termasuk falsafah di

sebalik pelaksanaan amalan harian yang relevan dengan kehidupan.

Ditanya sama ada langkah itu bermakna mata pelajaran agama Islam akan dirombak semula, Abdul Aziz menegaskan tumpuan akan lebih diberi terhadap

usaha memperbaiki kandungan subjek sedia ada.

"Kita tidak rombak (sukatan mata pelajaran agama Islam), tetapi memperbaikinya dalam erti kata kita akan membincangkan pendekatan terbaik

bagi pengajaran subjek agama Islam supaya ia mampu menjadi agama yang membimbing kita di dunia dan akhirat.

"Ini bermakna, perubahan yang dilakukan kepada sekolah aliran kebangsaan

ialah melatih semula guru dan meningkatkan kandungan pengajaran mata pelajaran agama Islam supaya sesuai dengan kehidupan harian," katanya.

Langkah itu, jelas Abdul Aziz, diharap dapat mengatasi masalah penyelewengan dari segi pengajaran agama seperti yang didakwa berlaku di kebanyakan SAR.

Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan

kerajaan akan menyusun semula sistem sekolah kebangsaan (SK) di seluruh negara dengan menyediakan sukatan dan mata pelajaran mencukupi untuk keperluan semua pelajar.

Katanya, langkah itu diambil kerana keadaan sekarang menunjukkan seolah-

olah tiada lagi SK berikutan terlalu banyak pindaan ke atas sistem pendidikan peringkat rendah itu.

Abdul Aziz berkata, Yayasan Islam Kelantan (YIK) bebas untuk terus mengendalikan SAR yang dikelolaknya selama ini jika berkemampuan untuk menanggung kos pengurusan.

"Jika tidak (memiliki kemampuan), mereka hanya akan menganiaya guru YIK

kerana ada saya dengar mereka (guru YIK) dijanjikan bayaran RM600 sebulan

tetapi jumlah yang diterima kurang daripada itu.

"Itu masalah mereka dan Kementerian Pendidikan tidak boleh campur tangan," katanya.

Mengenai masa depan SAR kendalian YIK, beliau berkata, sekolah berkenaan

sudah pasti tidak akan wujud pada masa akan datang jika ibu bapa tidak menghantar anak mereka ke sekolah terbabit.